


PRUMy Critical Care



Apabila penyakit kritikal hadir dalam pelbagai bentuk, *perlindungan pendapatan* anda perlu bersedia menghadapinya.

Sokongan di setiap peringkat penyakit kritikal, dengan penjagaan tambahan.



PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL/POLISI INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential Assurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Penyakit Kritikal Memberi Kesan Lebih daripada Sekadar Kesihatan

Apabila penyakit kritikal berlaku, kesannya bukan sahaja kepada kesihatan, malah turut menjejaskan pendapatan, simpanan serta tanggungjawab terhadap keluarga.

PENDAPATAN & PRODUKTIVITI

30% pesakit kanser terpaksa berhenti kerja.¹

Tempoh pemulihan yang panjang boleh menjejaskan pendapatan. Sokongan kewangan membantu memastikan perbelanjaan harian kekal terus semasa anda pulih.

KESTABILAN KEWANGAN

91% pesakit kanser bergantung kepada gaji dan simpanan untuk menampung perbelanjaan sendiri.¹

Pemulihan bukan sekadar bil hospital. Pampasan penyakit kritikal membantu mengurus keperluan sepanjang tempoh pemulihan.

GAYA HIDUP & KELUARGA

79% pesakit strok bergantung kepada ahli keluarga sebagai penjaga.²

Keperluan penjagaan boleh menjadi beban keluarga. Sokongan pemulihan profesional membantu meringankannya.

Perlindungan penyakit kritikal yang tepat memberi sokongan kewangan apabila paling diperlukan dan meringankan beban orang tersayang.

¹Kesan kanser terhadap pesakit berpendapatan rendah dalam sistem penjagaan kesihatan awam Malaysia.

²Anggaran beban yang ditanggung oleh penjaga tidak formal bagi pesakit strok di Malaysia.

Diagnosis yang Sama Memberi Kesan Berbeza bagi Setiap Individu

Penyakit kritikal boleh berlaku pada sebarang usia, dengan kesan berbeza mengikut fasa kehidupan. Perlindungan yang tepat membantu memastikan perancangan hidup tidak terjejas.

Apa Makna Diagnosis Penyakit Kritikal untuk Anda



Peringkat Awal Dewasa Umur 20-an

Pendapatan merupakan aset utama anda pada peringkat awal kerjaya.

Gangguan Pendapatan

Rawatan mungkin memerlukan anda mengambil cuti daripada kerja.

Komitmen Kewangan

Pinjaman pelajaran, bayaran kereta dan bil kad kredit tetap perlu dibayar.



Membina Keluarga Umur 30-an

Komitmen kewangan meningkat apabila keluarga anda berkembang.

Perubahan Rutin

Keperluan penjagaan anak dan rumah tangga perlu disesuaikan semasa pemulihan.

Bayaran Rumah

Bayaran bulanan tetap perlu diteruskan walaupun menghadapi cabaran kesihatan.



Pertengahan Hidup & Seterusnya Umur 40-an ke atas

Simpanan anda diperuntukkan untuk matlamat jangka panjang atau perancangan legasi.

Perancangan Terjejas

Dana mungkin perlu digunakan untuk perbelanjaan rawatan.

Simpanan Berkurang

Kos pemulihan boleh mengurangkan dana yang diperuntukkan untuk persaraan.

Perkukuh Perlindungan Penyakit Kritikal Anda dengan Perlindungan yang Dibina Mengikut Keperluan Anda



| Rider Penyakit Kritikal (CI) | | PERLINDUNGAN ASAS | | PERLINDUNGAN DIPERTINGKATKAN | | PERLINDUNGAN KOMPREHENSIF |
|--|--|--|--------------------------------|---------------------------------|---|---|
| | | Essential Child Plus | Essential Cancer Care | Critical Care | Critical Care Plus | Total Multi Crisis Care |
| Pembayaran Sekaligus Bagi sebarang keadaan yang dilindungi | | 10 keadaan juvenil | 2 keadaan (Peringkat akhir) | 80 keadaan (Peringkat akhir) | | 160 keadaan (Peringkat awal hingga akhir) |
| Jenis Perlindungan | | Tambahan | | Dipercepatkan | Tambahan | Tambahan |
| Dipercepatkan Mengurangkan jumlah diinsuranskan asas anda apabila tuntutan CI dibayar | Tambahan Tidak akan mengurangkan jumlah diinsuranskan asas apabila tuntutan CI dibayar | | | | | |
| Perlindungan Lain | | Ditukar secara automatik kepada Critical Care Plus ¹ tanpa pengunderaitan perubahan apabila anak mencapai umur 25 tahun | - | - | Manfaat Perlindungan ICU dan Manfaat Pembentukan Semula Bonus Kesejahteraan ⁴ | Perlindungan diagnosis semula untuk Kanser, Serangan Jantung dan Strok ² Tuntutan berulang sehingga 400% jumlah diinsuranskan rider ³ Tambahan 20% daripada jumlah diinsuranskan rider untuk keadaan berkaitan diabetes dan sendi |
| Hak Istimewa Penaiktarafan Tingkatkan perlindungan sebanyak 50% daripada jumlah diinsuranskan rider pada peristiwa kehidupan terpilih ⁵ tanpa pengunderaitan | | - | - | - | ✓ | ✓ |
| Perkhidmatan Nilai Tambah⁶ | | | | | | |
| Perkhidmatan Pengurusan Kes | | - | - | - | ✓ | ✓ |
| Program Penjagaan di Rumah Terima baucar bernilai 8% daripada jumlah diinsuranskan rider atau RM25,000, yang mana lebih rendah | | - | - | - | ✓ | ✓ |

Tertakluk pada terma dan syarat.

¹Ditukar kepada Critical Care Plus atau mana-mana rider penyakit kritikal setara yang mungkin ditawarkan dari semasa ke semasa.

²Diagnosis Kanser seterusnya mestilah merupakan kanser primer baharu yang tidak berkaitan sepenuhnya dengan tuntutan Kanser pertama, berlaku pada organ atau lokasi yang berbeza, dan bukan merupakan penyebaran sekunder (metastasis) daripada mana-mana kanser terdahulu. Diagnosis Kanser seterusnya (bagi mana-mana peringkat) hendaklah berlaku sekurang-kurangnya 3 tahun selepas diagnosis Kanser pertama. Diagnosis Serangan Jantung atau Strok seterusnya mestilah tidak berkaitan dengan tuntutan Serangan Jantung atau Strok pertama. Diagnosis Serangan Jantung atau Strok Peringkat Lewat seterusnya hendaklah berlaku sekurang-kurangnya 1 tahun selepas diagnosis Serangan Jantung atau Strok Peringkat Lewat pertama.

³Rider akan ditamatkan sekiranya jumlah bayaran tuntutan melebihi 100% daripada jumlah diinsuranskan rider pada Umur Hari Jadi Akan Datang (ANB) 85. Sekiranya tidak, rider akan terus memberikan perlindungan sehingga 100% daripada jumlah diinsuranskan rider bermula ANB 85 dan seterusnya.

⁴Sebanyak 20% daripada jumlah diinsuranskan rider akan dikreditkan ke Akaun Unit Asas pada ANB 75 sekiranya tiada sebarang tuntutan dibuat.

⁵Detik kehidupan yang layak termasuk kelahiran anak, perkahwinan, pendapatan berganda, pembelian hartanah bernilai RM500,000 dan ke atas, serta pendaftaran anak ke pendidikan rendah, menengah atau pengajian tinggi. Keistimewaan ini boleh digunakan sekali sahaja bagi setiap polisi dalam tempoh 10 tahun pertama rider, sebelum ANB 50, sehingga 50% daripada jumlah diinsuranskan rider, tertakluk kepada had maksimum RM300,000 bagi setiap hayat.

⁶Hanya tertakluk bagi rider dengan jumlah diinsuranskan RM250,000 dan ke atas. Perkhidmatan nilai tambah ini bukan manfaat kontrak dan tertakluk kepada perubahan.

Penjagaan Pakar dan Sokongan di Rumah pada Setiap Peringkat Perjalanan Anda

Selain bayaran pampasan, anda turut disokong dengan nasihat perubatan pakar dan sokongan pemulihan di rumah.

DIAGNOSIS



Sokongan Keputusan Rawatan

- Pendapat perubatan kedua daripada lebih 50,000 pakar terkemuka

Pemahaman Diagnosis Menyeluruh

- Perspektif diagnosis lengkap melalui laporan semakan pelbagai disiplin

RAWATAN

PERKHIDMATAN PENGURUSAN KES

Panduan Jelas untuk Keputusan Perubatan

Pemantauan Perkembangan

- Panduan diperibadikan oleh pengurus kes doktor tempatan

Pakar Rawatan Terpilih

- Padanan kepada dua pakar rawatan yang sesuai dengan keadaan anda

Ketahui lebih lanjut mengenai Perkhidmatan Pengurusan Kes di [sini](#).

Sokongan Perubatan Berterusan

- Pemeriksaan berkala dan susulan untuk memantau serta menyokong proses pemulihan anda

PEMULIHAN



PROGRAM PENJAGAAN DI RUMAH

Penjagaan Menyeluruh untuk Pemulihan

Susulan Perubatan

- Pengiring perubatan untuk membantu persediaan dan sokongan semasa temu janji perubatan

Penjagaan Peribadi

- Pengiring penjagaan warga emas untuk membantu pengambilan makanan dan ubat-ubatan
- Penjaga terlatih untuk membantu Aktiviti Kehidupan Harian (ADL)
- Jururawat terlatih untuk memberikan penjagaan kejururawatan asas dan memantau keadaan kesihatan

Sokongan Keluarga

- Latihan penjagaan termasuk teknik mengangkat, penjagaan kebersihan dan pemantauan tanda vital
- Cadangan keselamatan dan mobiliti untuk penyesuaian persekitaran rumah

Ketahui lebih lanjut mengenai Program Penjagaan di Rumah di [sini](#).

Nota: Perkhidmatan nilai tambah ini tersedia untuk jumlah diinsuranskan rider RM250,000 dan ke atas dan disediakan sebagai manfaat bukan kontrak, tertakluk kepada perubahan.

Peningkatan Perlindungan Terjamin apabila Anda Paling Memerlukannya

Perlindungan yang Dipertingkatkan Seiring Detik Penting Kehidupan

Tingkatkan perlindungan anda sehingga

50%

daripada jumlah diinsuranskan rider pada mana-mana peristiwa berikut.

Tanpa pengunderaitan

Tanggungjawab yang meningkat



Berkahwin



Kelahiran anak



Pendaftaran anak ke pendidikan rendah, menengah, atau tertiar

Gaya hidup yang berkembang



Pembelian hartanah bernilai RM500,000 dan lebih



Gaji sekali ganda

KENALI LINDA

Linda | 30 | Profesional Perbankan | Ibu Tunggal



Melindungi Diri daripada Penyakit Kritikal

Linda menyedari kepentingan perlindungan pendapatan sejak awal.

Beliau memilih **Total Multi Crisis Care** dengan perlindungan RM250k serta **Essential Cancer Care** dengan perlindungan RM100k.



UMUR 40



Perlindungan Dipertingkatkan

Ketika anaknya memasuki alam persekolahan menengah.

Linda memanfaatkan **Hak Istimewa Penaiktarafan** untuk menambah perlindungan Total Multi Crisis Care sebanyak RM125,000, (50% daripada perlindungan asal RM250,000) tanpa pengunderaitan, bagi memastikan komitmen hidup yang semakin meningkat terus dilindungi.

Nota: Sebarang peningkatan jumlah diinsuranskan rider boleh menyebabkan peningkatan premium.

Lindungi apa yang paling bermakna. Dapatkan penjagaan menyeluruh dengan PRU My Critical Care.

Hubungi Perancang Kekayaan Prudential kami hari ini atau layari www.prudential.com.my untuk mengetahui lebih lanjut.

Nota Penting & Penafian

- PRU My Critical Care ialah penyelesaian yang ditawarkan melalui produk kami, PRU With You Plus sebagai pelan asasnya, dengan pilihan rider penyakit kritikal termasuk Total Multi Crisis Care, Critical Care Plus, Critical Care, Essential Cancer Care dan Essential Child Plus. Ia diunderait oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad 198301012262 (107655-U), yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
- PRU My Critical Care terdiri daripada komponen yang boleh dibeli secara berasingan, dan anda tidak diwajibkan untuk memilih semua komponen pakej ini.
- Sebarang rujukan umur adalah berasaskan umur dicapai kecuali dinyatakan.
- Risalah ini hanya mengandungi keterangan ringkas produk dan adalah tidak lengkap. Untuk senarai lengkap manfaat, pengecualian, tempoh menunggu dan terma-terma dan syarat-syarat lain, anda dinasihatkan supaya merujuk Lampiran Keterangan Produk PRU With You Plus, Ilustrasi Produk dan Lembaran Fakta Dana (jika ada) sebelum membeli sesuatu polisi, serta merujuk kepada terma dan syarat dalam kontrak polisi untuk butiran mengenai ciri-ciri dan manfaat, pengecualian dan tempoh menunggu di bawah polisi.
- Membeli insurans hayat merupakan komitmen kewangan jangka panjang. Anda perlu memastikan bahawa polisi ini (termasuk rider) memenuhi keperluan anda dan premium yang perlu dibayar adalah dalam kemampuan anda. Anda hendaklah memastikan bahawa polisi ini (termasuk rider) menepati keperluan anda dan anda mampu membayar amaun premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini. Untuk berbuat demikian, kami menyarankan anda supaya berbincang dengan Perancang Kekayaan Prudential anda yang akan membuat analisis keperluan dan membantu anda membuat keputusan berdasarkan maklumat yang diberikan. Anda juga boleh menghubungi terus syarikat insurans untuk maklumat lanjut. Kos insurans yang dicaj untuk rider Insurans Perubatan dan Kesihatan ditunjukkan di laman web Prudential.
- Tempoh rujukan percuma selama 15 hari diperuntukkan dari tarikh polisi dihantar kepada anda untuk membolehkan anda mengkaji sama ada polisi tersebut memenuhi keperluan anda. Jika polisi dibatalkan dalam tempoh ini, kami akan membayar balik anda nilai unit (pada harga unit Tarikh penilaian berikutnya selepas tarikh pemberitahuan) tambah dengan premium yang tidak diperuntukkan, caj (sebarang caj insurans, caj perkhidmatan, caj pemrosesan dan caj-caj lain, mana yang berkenaan) dan cukai (jika ada) yang telah kami tolak dan juga akan menolak perbelanjaan perubatan yang kami mungkin telah bayar atau bersetuju untuk bayar.
- Anda boleh menyerahkan polisi anda pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, jika anda menamatkan polisi pada tahun-tahun awal, anda mungkin memperoleh amaun yang kurang daripada premium yang telah anda bayar. Pada penyerahan, nilai serahan akan dibayar dan semua manfaat di bawah polisi ini akan ditamatkan.
- PRU With You Plus disertai dengan Perlanjutan Tempoh Perlindungan untuk melanjutkan tempoh pelan asas sehingga Ulang Tahun Polisi yang mana Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur 100 tahun. Bagi rider(-rider), jika berkenaan, tempoh rider akan dilanjutkan sehingga Ulang Tahun Polisi yang mana Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur 100 tahun atau tempoh perlindungan maksimum bagi rider, mana-mana yang lebih awal. Melainkan anda memohon untuk membatalkan Perlanjutan Tempoh Perlindungan, polisi anda akan dilanjutkan secara automatik selagi ia mempunyai nilai unit-unit yang mencukupi untuk menolak bayaran caj-caj, yuran-yuran dan cukai-cukai yang berkaitan semasa tempoh yang dilanjutkan. Untuk memastikan nilai unit-unit yang mencukupi, premium tambahan mungkin diperlukan dalam tempoh yang dilanjutkan. Semasa tempoh perlindungan yang dilanjutkan, perlindungan daripada pelan asas dan rider(-rider) (jika berkenaan) akan tetap sama.
- Anda boleh memohon untuk membatalkan Perlanjutan Tempoh Perlindungan selepas polisi anda dikeluarkan, ini akan menyebabkan perlindungan anda berakhir pada tempoh polisi asal. Sebarang permintaan berikutnya untuk memohon semula Perlanjutan Tempoh Perlindungan adalah tertakluk kepada pengunderaitan.
- Rider penyakit kritikal tidak melindungi:
 - (i) simptom penyakit yang berlaku sebelum atau dalam tempoh 30 hari selepas rider bermula atau dihidupkan semula, kecuali bagi Kanser, Serangan Jantung, Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Penyakit Arteri Koronari Serius, dan Angioplasti serta Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari yang tertakluk kepada tempoh menunggu 60 hari;
 - (ii) penyakit yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh AIDS atau jangkitan HIV, kecuali "Jangkitan HIV Akibat Transfusi Darah", "AIDS Tahap Akhir", "Jangkitan Virus Imunodefisiensi Manusia (HIV) yang Diperoleh Secara Pekerjaan" dan sebarang keadaan lain yang dilindungi di bawah kategori penyakit kritikal ini;
 - (iii) penyakit yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada keadaan sedia ada;
 - (iv) penyakit yang merupakan keadaan kongenital atau disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh keadaan kongenital yang berlaku, atau yang simptomnya mula muncul, dalam tempoh 2 tahun pertama dari tarikh lahir Hayat Yang Diinsuranskan, melainkan dinyatakan secara jelas sebagai dilindungi; atau

(v) Hayat Yang Diinsuranskan tidak bertahan sekurang-kurangnya 7 hari selepas berlakunya penyakit kritikal.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Anda perlu merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.

- Andaikan seorang lelaki, berumur 19 tahun, bukan perokok membeli polisi PRU With You Plus dengan Jumlah Diinsuranskan Asas RM100,000, Total Multi Crisis Care RM100,000, Acci Guard Plus RM100,000, Acci Med Plus RM5,000, Acci Income Plus 3 unit, PRU Value Med Med Value Point RM1,000,000 R&B RM200 dengan Med Saver RM300, PRU Value Med Booster dan Payor Basic, tempoh polisi sehingga umur 80 tahun pada hari jadi yang akan datang (ANB) dengan lanjutan automatik, 100% dana ekuiti, dengan pembayaran premium bulanan melalui kad kredit, anggaran jumlah premium yang harus dibayar:

| Jumlah premium yang harus dibayar berdasarkan tempoh perlindungan sehingga ANB 80 | Untuk meningkatkan kemampuan polisi anda sehingga umur 100 tahun | |
|---|---|---|
| | Alternatif 1 | Alternatif 2 |
| RM311.00 bulanan daripada umur 19 hingga umur 78 | <p>Kami menasihatkan anda untuk terus membayar jumlah premium yang harus dibayar dalam tempoh yang dilanjutkan.</p> <p>Tambahan pula, penambahan Tokokan Premium Berkala sebanyak RM60.00 bulanan adalah dicadangkan daripada umur 19 sehingga akhir Perlanjutan Tempoh Perlindungan.</p> <p>Jumlah premium yang harus dibayar: RM371.00 bulanan daripada umur 19 hingga umur 99.</p> | <p>Kami menasihatkan anda untuk terus membayar jumlah premium yang harus dibayar dalam tempoh yang dilanjutkan.</p> <p>Tambahan pula, penambahan Tokokan Premium Berkala sebanyak RM4,025.00 bulanan adalah dicadangkan daripada umur 79 tahun sehingga akhir Perlanjutan Tempoh Perlindungan.</p> <p>Jumlah premium yang harus dibayar: RM311.00 bulanan daripada umur 19 hingga umur 78.</p> <p>RM4,336.00 bulanan daripada umur 79 hingga umur 99.</p> |

Nota:

1. Premium adalah tidak terjamin dan mungkin berubah pada masa akan datang bergantung kepada pulangan pelaburan sebenar, pembayaran premium, manfaat-manfaat polisi dan caj-caj (termasuk sebarang semakan semula caj insurans). Anda boleh merujuk kepada penyata tahunan untuk amaun Tokokan Premium Berkala yang dicadangkan, yang dikemas kini setiap tahun, untuk meningkatkan kemampuan polisi sehingga tempoh yang dilanjutkan (berdasarkan Alternatif 1 di atas), dan boleh mempertimbangkan untuk membuat tokokan premium anda dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kemampuan polisi anda. Kami akan memaklumkan anda sekurang-kurangnya 90 hari sebelum Perlanjutan Tempoh Perlindungan jika terdapat sebarang premium tambahan yang diperlukan dalam tempoh yang dilanjutkan.
 2. Jika polisi anda dilampirkan dengan rider payor, anda mungkin perlu meningkatkan jumlah diinsuranskan untuk rider payor disebabkan peningkatan premium (tidak termasuk sebarang tambahan premium sementara) untuk menampung tempoh yang dilanjutkan (tertakluk kepada pengunderaitan) atau sebarang semakan semula caj insurans. Jika polisi anda di bawah status tuntutan payor dan peningkatan premium diperlukan, anda mungkin perlu membayar amaun premium tambahan yang tidak dilindungi oleh syarikat untuk meningkatkan kemampuan polisi anda.
 3. Umur yang dinyatakan dalam jadual di atas merujuk kepada umur Hayat Yang Diinsuranskan pada Ulang Tahun Polisi.
 4. Sila rujuk Lampiran Keterangan Produk untuk maklumat selanjutnya.
- PRU With You Plus dan rider-ridernya yang boleh dilampirkan (jika ada) bukan produk patuh Syariah.
 - Sekiranya versi Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Bahasa Cina bagi risalah ini mempunyai sebarang percanggahan atau tidak konsisten, versi Bahasa Inggeris bagi risalah ini akan diutamakan dan diguna pakai.

SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA INI ADALAH PRODUK INSURANS YANG DIKAITKAN DENGAN PRESTASI ASET PENDASAR, DAN BUKANNYA PRODUK PELABURAN TULEN SEPerti UNIT AMANAH.